

**AMALAN PENGURUSAN PELUPUSAN BAHAN
AL-QURAN DI MALAYSIA**

AINUL KAUTHAR BINTI KARIM

**FAKULTI TAMADUN ISLAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2017

AMALAN PENGURUSAN PELUPUSAN BAHAN
AL-QURAN DI MALAYSIA

AINUL KAUTHAR BINTI KARIM

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Falsafah

FAKULTI TAMADUN ISLAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FEBRUARI 2017

DEDIKASI

Segala puji hanya yang layak bagi Allah S.W.T.

Selawat dan salam buat Nabi junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan ke atas keluarga baginda dan para sahabat.

Dan teristimewanya buat barisan penyelia, Profesor Madya Dr. Arieff Salleh Rosman, Dr. Syed Norris Hikmi Syed Abdullah dan Prof Madya Dr. Azman Ab Rahman. Terima kasih atas ilmu yang dicurahkan dan tidak jemu mendidik. Semoga Allah melindungi dan merahmati.

Untuk Suami Tercinta

Nik Hafzan Mohd Hasnan

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga yang sentiasa memahami dan memberi sokongan supaya terus kuat untuk menghabiskan pengajian ini

Untuk Ayah & Ummi Tercinta

Dr. Karim Deraman dan Puan Sabariah Mohd Amin

Untuk keluarga dan keluarga mertua tercinta. Terima kasih atas sokongan dan iringan doa pada diri ini. Semoga Allah memberkati dan merahmati kalian.

Buat sahabat-sahabat tersayang,

Terutamanya Nurul Husna Mohammad Sairi, Siti Nur Attiya Shamsul Azhar, Wan Nur Hanisah Wan Din, Siti Salwa Md Sawari atas bantuan dan pertolongan. Tidak lupa juga buat staf-staf di CFIRST dan FTI UTM yang tidak jemu menyokong.

Semoga Allah merahmati kita semua.

“Jazakumullah khairan kathira, amiin”

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah S.W.T, selawat dan salam ke atas keluarga baginda dan para sahabat. Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan inayah-Nya dapat saya menyempurnakan penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan saya buat penyelia utama Profesor Madya Dr. Arieff Salleh bin Rosman, penyelia bersama Dr. Syed Norris Hikmi Syed Abdullah dan PM Dr. Azman Ab Rahman selaku barisan penyelia yang banyak membimbing, memberi tunjuk ajar, nasihat dan kata-kata semangat bagi memastikan saya berusaha menyiapkan penyelidikan ini tanpa rasa jemu sehingga penyelidikan ini sempurna dilaksanakan.

Terima kasih saya juga kepada semua pensyarah di Fakulti Tamadun Islam dan Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST) yang sudi memberi nasihat, teguran dan bimbingan sebagai perangsang kepada saya untuk menyempurnakan penyelidikan ini. Segala dorongan dan kata-kata semangat hanya Allah S.W.T jua yang membalasnya.

Kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam projek ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga atas bantuan yang diberikan. Semoga sentiasa dirahmati Allah S.W.T. Amin.

ABSTRACT

The *Mushaf* of the al-Quran, the *Holy Book* of Muslims must be respected whether it is new or no longer in use. However, the awareness in respecting the *mushaf* among Muslim community is more focused on the new *mushaf*. There were cases where the old *mushaf* were disposed in cattle sheds and recycling centres owned by non Muslims or left abandoned and scattered on the road. The main objective of this study is to identify the compliance level of the Muslim community on the methods of disposal of the *mushaf* according to Islamic law, to identify factors that affect the level of compliance, to identify disposal practices carried out by the implementing agencies and to analyze the challenges faced by the implementing agencies in carrying out the disposal of the Quran in Malaysia. This study applied quantitative and qualitative methods. Questionnaires were distributed to 405 respondents and analyzed using SPSS version 19 and interviews and observations on four implementing agencies were conducted and data obtained were analyzed using NVivo version 10. The findings of the survey found that the level of compliance with of the Muslim community regarding disposal methods of the *mushaf* are in line with Shariah and is moderately high. Five factors that affect the level of compliance are namely the solution (P), risk (R), the disposal process (PP), culture and awareness (PK) and financial resources (SK). The study also discovered that tools used to dispose the *mushaf* are through burning using incinerators, furnaces, portable drum machine and barrel. Furthermore, the study showed six major challenges faced by the implementing agencies are namely, the high-cost of management, special disposal place, fuel, disposal period, enforcement and labour. It is hoped that the findings of the study will raise the awareness of the Muslim community regarding the importance of maintaining the dignity of the *mushaf* with regards to disposal management.

ABSTRAK

Mushaf al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang wajib dihormati tidak kira ia masih baru atau sudah tidak boleh digunakan lagi. Walaubagaimanapun, kesedaran masyarakat Islam dalam menghormati mushaf al-Quran ini banyak tertumpu kepada mushaf baru dan elok sahaja. Terdapat kes penghinaan mushaf menerusi kes-kes pembuangan mushaf al-quran yang lusuh di bangsal lembu, pusat kitar semula kepunyaan orang bukan Islam dan dibiarkan berteraburan di jalan raya. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pematuhan masyarakat Islam terhadap hukum dan kaedah pelupusan bahan al-Quran mengikut Syarak; mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pematuhan tersebut; mengenalpasti amalan pelupusan yang dijalankan oleh agensi pelaksana dan menganalisa cabaran yang dihadapi agensi pelaksana dalam menjalankan pelupusan bahan al-Quran di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi campuran iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif dijalankan menerusi soal selidik terhadap 405 orang responden dan dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS Versi 19. Manakala, kaedah kualitatif dijalankan menerusi temubual dan pemerhatian terhadap empat agensi pelaksana dan telah dianalisis menggunakan perisian Nvivo Versi 10. Dapatan soal selidik mendapati bahawa tahap pematuhan masyarakat Islam terhadap hukum dan kaedah pelupusan yang menepati Syarak berada pada tahap sederhana tinggi. Lima faktor yang mempengaruhi tahap tersebut iaitu faktor penyelesaian (P), risiko (R), proses pelupusan (PP), pembudayaan dan kesedaran (PK) dan sumber kewangan (SK). Kajian juga mendapati bahawa terdapat empat alat yang digunakan oleh agensi pelaksana dalam melupuskan secara pembakaran menerusi *insinerator*, relau, mesin mudah alih dan tong dram. Selanjutnya, dapatan menunjukkan enam cabaran utama yang dihadapi agensi pelaksana iaitu kos pengurusan yang tinggi, tempat pelupusan khas, bahan bakar, tempoh masa pelupusan penguatkuasaan dan tenaga kerja. Kesimpulannya, dapatan yang dihasilkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat Islam mengenai kepentingan mengekalkan martabat Mushaf al-Quran terutamanya dalam pengurusan pelupusannya.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xix
	SENARAI RAJAH	xviii
	SENARAI AYAT AL-QURAN	xxi
	SENARAI HADIS	xxii
	SENARAI SINGKATAN	xxiii
	 PERKARA	
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.2.1 Kes Penghinaan Masyarakat Islam dalam Melupakan al-Quran	4

1.2.2	Masalah Agensi Pelaksana dalam Pengurusan Pelupusan Bahan al-Quran	6
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.6.1	Masyarakat	10
1.6.2	Pusat Pelupusan Al-Quran - Syarikat Pelupusan Saufi	11
1.6.3	Bahagian Penyelidikan di setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)	11
1.6.4	Unit Kawalan Teks al-Quran di bawah Kementerian Dalam Negeri	12
1.6.5	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	12
1.6.6	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)	13
1.7	Batasan dan Skop Kajian	13
1.8	Kerangka Teori	15
1.9	Definisi Istilah	17
1.9.1	Pelupusan	17
1.9.2	Bahan al-Quran	18
1.10	Kesimpulan	19

2	SOROTAN KAJIAN	HALAMAN
2.1	Pengenalan	20
2.2	Konsep Memuliakan al-Quran	21
2.2.1	Cara Memuliakan dan Menghormati al-Quran	24
2.3	Pelupusan Teks al-Quran Menurut Perspektif Islam	28
2.3.1	Teknik Pembakaran	29
2.3.2	Teknik Penanaman	31
2.3.3	Teknik Rendaman	32
2.4	Pelupusan Teks al-Quran di Malaysia	33
2.4.1	Peruntukan Undang-Undang di Malaysia Mengenai Pelupusan Teks al-Quran	35
2.4.1.1	Akta Percetakan Teks al-Quran 1986	35
2.4.1.2	Keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan	36
2.4.1.3	Garis Panduan Pelupusan Teks al-Quran JAKIM	37
2.4.1.4	Keputusan Fatwa Negeri	38
2.4.1.5	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri	40
2.5	Kajian Lepas	41
2.6	Kesimpulan	4

3	METODOLOGI KAJIAN	HALAMAN
3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.2.1	Reka Bentuk Penjelasan Berturutan	52
3.2.1.1	Pemilihan Reka Bentuk Penjelasan Berturutan	53
3.3	Populasi, Sampel, Persampelan dan Saiz Sampel	54
3.3.1	Persampelan Kuantitatif	55
3.3.2	Persampelan Kualitatif	61
3.4	Teknik Pengumpulan Data	63
3.4.1	Soal Selidik	65
3.4.2	Temubual	69
3.4.3	Pemerhatian	75
3.4.4	Semakan Dokumen	76
3.4.5	Objektif Kajian dan Teknik Pengumpulan Data	77
3.5	Teknik Analisis Data	78
3.5.1	Analisis Data Kuantitatif	79
3.5.2	Analisis Data Kualitatif	84
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan kajian	92
3.6.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kuantitatif	92
3.6.1.1	Pembinaan Instrumen Soal Selidik	93
3.6.1.2	Kajian Rintis	93

3.6.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif	95
3.6.2.1	Kajian Rintis	96
3.6.2.2	Triangulasi Data	97
3.6.2.3	Nota Lapangan	98
3.7	Penulisan Laporan	98
3.8	Aktiviti Penyelidikan	99
3.9	Kesimpulan	100

4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	101
4.2	Laporan Analisis Kuantitatif	102
4.2.1	Bahagian A: Latar Belakang Demografi Responden	102
4.2.1.1	Profil Sampel Mengikut Jantina (A1) dan Umur (A2)	102
4.2.1.2	Profil Sampel Mengikut Pendidikan (A3)	103
4.2.1.3	Profil Sampel Mengikut Pemilikan Pendidikan Agama Secara Formal (A4) dan Peringkat Tertinggi Pendidikan Agama (A5)	104
4.2.1.4	Profil Sampel Mengikut Tempoh Pengalaman Responden (A6)	105
4.2.2	Bahagian B: Pengalaman Responden	106

4.2.2.1	Pemilikan Bahan al-Quran (B1) dan bahan al-Quran yang ingin dilupuskan (B2)	107
4.2.2.2	Status Pengetahuan Terhadap Hukum Pelupusan (B3) dan Medium Pengetahuan Terhadap Hukum Pelupusan (B4)	108
4.2.2.3	Status pengalaman dalam melupuskan bahan al-Quran (B5)	109
4.2.2.4	Kaedah-kaedah Pelupusan yang Pernah Dipraktikkan dan Tahap Kesukaran Kaedah Pelupusan yang Pernah Dipraktikkan (B6 & B7)	109
4.2.2.5	Medium Pembelajaran Kaedah Pelupusan (B8)	112
4.2.2.6	Item-Item Yang Dianggap Bahan al-Quran (B9)	113
4.2.2.7	Kaedah Pelupusan Yang Mengikut Syarak (B10)	114
4.2.2.8	Masih Menyimpan Bahan al-Quran yang Ingin Dilupuskan (B11) dan Sebab-Sebab Masih Menyimpan Bahan al-Quran yang Ingin Dilupuskan	116
4.2.3	Bahagian C: Maklum Balas Responden	117
4.2.4	Analisis Terhadap Faktor mendorong Tahap Pematuhan	118
4.2.4.1	Faktor Penyelesaian (P)	118
4.2.4.2	Faktor Risiko (R)	120

4.2.4.3	Faktor Pembudayaan dan Kesedaran (PK)	122
4.2.4.4	Faktor Proses Pelupusan (PP)	124
4.2.4.5	Faktor Sumber Kewangan (SK)	125
4.2.5	Rumusan Min Terhadap Tahap Pematuhan Secara Keseluruhan	127
4.3	Laporan Analisis Kualitatif	128
4.3.1	Latar Belakang Responden	128
4.3.1.1	PLQ1	129
4.3.1.2	PLQ2	130
4.3.1.3	PLQ3	130
4.3.1.4	PLQ4	131
4.3.2	Amalan Pelupusan Bahan al-Quran yang Dijalankan Agensi Pelaksana	132
4.3.2.1	PLQ1	134
4.3.2.2	PLQ2	135
4.3.2.3	PLQ3	137
4.3.2.4	PLQ4	131
4.3.3	Cabaran yang dihadapi oleh Agensi Pelaksana	139
4.3.3.1	Kos Pengurusan yang Tinggi	139
4.3.3.2	Tempat Pelupusan Yang Khas	141
4.3.3.3	Bahan Yang Perlu Dibakar	142
4.3.3.4	Tempoh Masa Pelupusan	142
4.3.3.5	Penguatkuasaan	143
4.3.3.6	Tenaga Kerja	144

4.4	Kesimpulan	145
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN & CADANGAN	
5.1	Pengenalan	146
5.2	Perbincangan	146
5.2.1	Tahap Pematuhan Masyarakat Islam Terhadap Pelupusan Bahan al-Quran di Malaysia	147
5.2.1.1	Aspek Pengetahuan Terhadap Hukum dan Kaedah Pelupusan	147
5.2.1.2	Aspek Kefahaman Terhadap Hukum dan Kaedah Pelupusan	148
5.2.1.3	Aspek Pengalaman Terhadap Hukum dan Kaedah Pelupusan	150
5.2.2	Faktor yang Mempengaruhi Tahap Pematuhan	151
5.2.2.1	Faktor Penyelesaian	152
5.2.2.1	Faktor Risiko	152
5.2.2.1	Faktor Pembudayaan & Kesedaran	153
5.2.2.1	Faktor Proses Pelupusan	154
5.2.2.1	Faktor Sumber Kewangan	155
5.2.3	Amalan Agensi Pelaksana dalam Menguruskan Aktiviti Pelupusan Bahan al-Quran di Malaysia	155
5.2.4	Cabaran Agensi Pelaksana dalam Menguruskan Aktiviti Pelupusan Bahan al-Quran di Malaysia	157

5.3	Rumusan	159
5.4	Implikasi Kajian	160
5.4.1	Implikasi Terhadap Masyarakat Islam di Malaysia	161
5.2.1	Implikasi Terhadap Penyelidik dalam bidang Pelupusan Bahan al-Quran	161
5.4.3	Implikasi Terhadap Pihak Berwajib	161
5.5	Cadangan Kajian	162
5.6	Kesimpulan	164
	BIBLIOGRAFI	165
	LAMPIRAN	181

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	PERKARA	HALAMAN
2.1	Panduan pelupusan bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran	37
2.2	Panduan cara pembakaran pelupusan bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran	38
3.1	Pengiraan sampel (Cohen et. al, 2000)	56
3.2	Maklumat Responden Penyelidikan Kualitatif	63
3.3	Inventori item soal selidik Bahagian A	66
3.4	Inventori item soal selidik Bahagian B	66
3.5	Inventori item soal selidik Bahagian C	67
3.6	Inventori item soal selidik Bahagian D	68
3.7	Proses Mengumpul dan Menganalisa Data Kualitatif	70
3.8	Maklumat Perkembangan Temubual	74
3.9	Maklumat Pemerhatian	76
3.10	Objektif Kajian dan Teknik Pengumpulan Data	77
3.11	Interpretasi skor min tahap pematuhan	79
3.12	Komponen dalam <i>Navigation View</i>	87
3.13	Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa	95
4.1	Profil sampel mengikut jantina dan komposisi umur	103
4.2	Profil sampel mengikut pendidikan	104

4.3	Status Pemilikan Pendidikan Agama Secara Formal	104
4.4	Profil sampel mengikut peringkat tertinggi pendidikan agama secara formal	105
4.5	Tempoh Pengalaman dalam Pelupusan Bahan al-Quran	106
4.6	Pemilikan Bahan Al-Quran yang Ingin Dilupuskan	107
4.7	Pengetahuan Terhadap Hukum Pelupusan Bahan al-Quran	108
4.8	Sumber Pengetahuan mengenai Hukum Pelupusan Bahan Al-Quran	109
4.9	Status Pengalaman Responden dalam Melupuskan bahan al-Quran	109
4.10	Kaedah Pelupusan yang Dipraktikkan	110
4.11	Tahap Kesukaran Kaedah Pelupusan yang Dipraktikkan	111
4.12	Medium Pembelajaran Kaedah Pelupusan	112
4.13	Item yang Dianggap Bahan al-Quran yang Perlu Dilupuskan Mengikut Syarak	113
4.14	Kaedah Pelupusan Bahan al-Quran Mengikut Syarak	115
4.15	Responden yang Masih menyimpan Bahan al-Quran yang Ingin dilupuskan	116
4.16	Sebab Masih menyimpan bahan al-Quran yang ingin dilupuskan	117
4.17	Faktor Penyelesaian	119
4.18	Faktor Risiko Melanggar Hukum	121
4.19	Faktor Pembudayaan dan Kesedaran	122

4.20	Faktor Proses Pelupusan	124
4.21	Faktor Sumber Kewangan	126
4.22	Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Pematuhan Amalan Pelupusan Bahan al-Quran Secara Keseluruhan	127
4.23	Latar Belakang PLQ1-PLQ4	128
4.24	Kaedah Pelupusan Agensi Pelaksana	133
4.25	Kos Pengurusan	140
4.26	Tempat Pelupusan	141
4.27	Bahan Yang Perlu Dibakar	142
4.28	Tempoh Masa Pelupusan	143
4.29	Penguatkuasaan	143
4.30	Tenaga Kerja	144

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	PERKARA	HALAMAN
1.1	Pengurusan Pematuhan Pelupusan Teks Al-Quran di Malaysia	16
3.1	Reka bentuk Penjelasan Berturutan	53
3.2	Kumpulan Sasaran	58
3.3	Teknik pemilihan sampel	58
3.4	Soal selidik berbentuk <i>online</i>	59
3.5	Hebahan pencarian responden kajian melalui <i>Facebook</i>	60
3.6	Prosedur Temubual	72
3.7	Prosedur analisis data berturutan dalam <i>Explanatory Design</i>	78
3.8	Pemasukan <i>variable</i> demografi responden dalam SPSS <i>Data Editor</i>	80
3.9	Pemasukan <i>variable</i> skala pengukuran dalam SPSS <i>Data Editor</i>	81
3.10	Cara menentukan <i>Value Labels</i>	82
3.11	Pemasukan data soal selidik dalam SPSS <i>Data Editor</i>	82
3.12	Membuat pilihan analisis deskriptif	83
3.13	Output Data (<i>Descriptives</i>) ditunjukkan dalam SPSS <i>Viewer</i>	83

3.14	Output Data (<i>Frequency</i>) ditunjukkan dalam SPSS <i>Viewer</i>	84
3.15	Komponen dalam ruang kerja Nvivo	86
3.16	Paparan kemasukan data dalam Nvivo 10	88
3.17	Pembentukan <i>Tree Nodes</i>	89
3.18	Teknik analisis berasaskan perkataan menggunakan <i>Queries</i>	90
3.19	Cara mengeksport jadual matriks ke format <i>Microsoft Excel</i>	90
3.20	Jadual matriks yang telah dipindahkan ke format <i>Microsoft Excel</i>	91
4.1	Mesin Insinerator PLQ1	134
4.2	Relau PLQ2	136
4.3	Mesin Mudah Alih (M2Q) PLQ3	137
4.4	Carta Alir Proses Pelupusan Bahan al-Quran PLQ3	138
5.1	Kaedah Pelupusan Agensi Pelaksana	156

SENARAI AYAT AL-QURAN

NO	PERKARA	HALAMAN
1.1	Surah al-Isra' 17: 9	1
1.2	Surah Al-Maidah 5: 16	21
1.3	Surah Al-Maidah 5: 48	23
1.4	Surah Al-Isra' 17: 109	26

SENARAI HADIS

NO	PERKARA	HALAMAN
1.1	Riwayat At-Tarmizi no.183-186	24
1.2	Riwayat Al-Darimi no. 294	24

SENARAI SINGKATAN

CoMOn	Compliance Mangement Ontology
EPAIN	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri
PLQ	Pelaksana Lupus Quran
MLQ	Masyarakat Lupus Quran
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JAWHAR	Jabatan Waqaf Haji dan Zakat
j-QAF	Jawi al-Quran Arab dan Fardhu Ain
KDN	Kementerian dalam Negeri
MAIJ	Majlis Agama Islam Negeri
S.A.W	Sallahu Alaihi Wassalam
S.W.T	Subhanu Wa Taala
JAJ	Jabatan Agama Johor
JaHEAT	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
SOP	Standard Operating Procedure

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Al-Quran merupakan anugerah yang paling berharga yang diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan umatnya. Al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Nabi Muhammad SAW yang mengandung pedoman untuk dijadikan petunjuk, yang wajib kita menghormati dan menjaganya dengan baik.

Firman Allah SWT:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang beriman yang mengerjakan amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.”

(Surah *al-Isra'*, 17:9)

Memuliakan dan menghormati mushaf al-Quran merupakan satu kewajipan. Anas bin Malik melaporkan, Nabi Muhammad saw bersabda, “Al-Quran adalah bacaan yang paling utama berbanding dengan selainnya. Sesiapa yang memuliakan al-Quran, maka dia telah memuliakan Allah SWT. Sesiapa yang merendah-rendahkan al-Quran, maka dia telah merendah-rendahkan hak Allah SWT. Individu yang menghafal al-Quran adalah golongan yang berada dalam rahmat Allah, golongan yang mengagungkan kata-kata Allah, dan golongan yang dipakaikan dengan pakaian cahaya Allah. Sesiapa yang memuliakan mereka, maka orang itu telah memuliakan Allah. Sesiapa yang menentang mereka, maka orang itu telah merendah-rendahkan hak Allah SWT.” Hadis direkod oleh al-Qurtubi, 1993: 1/22)

Kaedah melupuskan bahan yang mengandungi teks al-Quran adalah termasuk dalam hukum wajib menghormati mushaf al-Quran. Justeru, al-Quran dan bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran wajib dilupuskan mengikut cara yang digariskan oleh Syarak. Melupuskan bahan al-Quran yang bercanggah dengan hukum Syarak merupakan amalan menghina al-Quran dan pelakunya bukan sekadar berdosa besar, malah jika dilakukan dengan penuh kesedaran boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam (al-Qurtubi, 1993; Arieff et al., 2012).

1.2 Latar Belakang Masalah

Menurut Creswell (1994), pendahuluan dan latar belakang kajian ialah sejarah kepada masalah kajian yang membincangkan situasi timbulnya masalah yang akan dikaji. Keberkesanan perbincangan ini boleh dilihat pada kemampuannya untuk menampakkan masalah berkenaan dan pentingnya untuk diteliti dan didalami (Creswell, 1994: 42).

Di Malaysia, pelbagai usaha untuk memelihara bahan al-Quran telah dimulakan sebelum tahun 1987 lagi. Antaranya memperluaskan dan memperbanyakkan aktiviti pelupusan al-Quran serta membukukan ilmu cara pembacaan al-Quran (Abdul Rahman, 2010). Melalui usaha tersebut, umat Islam di negara ini peka dalam menjaga kesucian kitab al-Quran. Kesedaran ini ditanam semenjak kecil sewaktu di zaman sekolah rendah lagi iaitu anak-anak diberi didikan serta tunjuk ajar tentang adab terhadap al-Quran seperti adab yang perlu ada sewaktu membaca al-Quran, larangan memijak dan melangkah mushaf, larangan meletak mushaf di merata-rata tempat, sepertimana telah digariskan oleh al-Nawawi dalam kitabnya 'al-Tibyan fi adab hamlah 'ala al-Quran' (Nawawi, 1993; Abdul Rahman, 2010; Fatin Mahfuzah, 2014).

Walaupun, kesedaran masyarakat Islam dalam menghormati mushaf al-Quran ini kebiasaannya kepada mushaf yang baru, elok dan masih boleh dimanfaatkan sahaja, tidak kepada mushaf yang telah lusuh, rosak dan sebagainya (Rahmat Mahdan, 2015). Menurut al-Qurtubi (1993), antara kehormatan al-Quran yang wajib dipelihara adalah tidak membiarkan sahaja mushaf yang tidak boleh dibaca begitu sahaja dan wajib melupuskan dengan kaedah yang digariskan Syarak seperti membakarnya atau menanamnya atau merendamnya (Qurtubi, 1993; Mohamad Zulkifli al-Bakri, 2014).

Realitinya, masyarakat Islam di Malaysia kurang didedahkan dengan kaedah yang menepati hukum Syarak bagi melupuskan bahan-bahan tersebut, sehingga ada amalan yang termasuk dalam kategori menghina al-Quran (Zainudin, 2011; Arieff et.al., 2012; Ahmad Rabiul, 2012). Mereka juga dilihat seperti tidak prihatin dalam memuliakan ayat-ayat suci al-Quran apabila tidak mempunyai ilmu dan kesedaran terhadap kaedah pelupusan bahan al-Quran yang mengikut Syarak. Hal ini turut diakui oleh segelintir masyarakat yang telah ditemui oleh penyelidik semasa menjalankan kajian telah mendakwa bahawa mereka tidak mengetahui kaedah-kaedah yang selama ini telah diamalkan oleh mereka adalah bertentangan dengan Syarak. Hal ini dilihat apabila kebanyakannya masih menyimpan bahan ini di stor penyimpanan sehinggalah dimakan anai-anai, ada yang hanya meracik dan

membuangnya ke tong sampah, menghantar ke pusat kitar semula, dan ada juga yang membuang al-Quran lama ke tempat yang tidak sepatutnya bersama longgokan sampah sarap yang lain.

1.2.1 Kes Penghinaan Masyarakat Islam dalam Melupakan al-Quran

Berdasarkan laporan media massa bermula tahun 2011 sehingga 2016, terdapat banyak kes pelupusan al-Quran yang dilakukan oleh masyarakat yang bercanggah dengan hukum Syarak. Hal ini dapat dilihat seperti kes yang berlaku di Batu Pahat, Johor apabila mushaf al-Quran dan kitab lama yang mengandungi ayat suci al-Quran diletakkan di tepi sebuah pusat kitar semula di Jalan Parit Besar, Batu Pahat, Johor (Sinar Harian, 22 Jun 2011). Seterusnya, negara digemparkan lagi dengan beribu-ribu naskhah al-Quran yang ditinggalkan di sebuah bangsal lembu di Kampung Pauh Sembilan, Bachok Kelantan (Harian Kosmo, 26 September 2011). Kemudian tiga hari berikutnya pula, kes yang berlaku di Kedah. Terdapat dua guni plastik yang mengandungi bahan cetakan ayat al-Quran ditemui di kawasan perindustrian Mergong, Kedah (Harian Kosmo, 29 September 2011).

Lagi kes yang dilaporkan terjadi di Pahang apabila naskhah-naskhah seperti mushaf al-Quran, muqaddam dan kitab agama dibuang bersama dengan sampah di Kawasan Perindustrian Ringan Jerantut, Pahang (Harian Kosmo, 30 Januari 2012). Di Arab Saudi juga turut digemparkan apabila puluhan ribu naskhah al-Quran ditemui di dalam sistem pembetungan di bandar Taif (Sinar Harian, 18 Disember 2013). Akhbar Sinar Harian turut memaparkan beberapa gambar penemuan mushaf al-Quran yang telah dikoyakkan serta dibuang ke dalam sistem saliran turut menjadi perbualan hangat di kebanyakan laman sosial dan ia disifatkan sebagai perbuatan biadab individu tidak bertanggungjawab (Sinar Harian, 18 Disember 2013). Kes ini tidak tamat begitu sahaja apabila beberapa naskhah mushaf al-Quran diselerakkan dan ada yang dibuang ke dalam mangkuk tandas di Masjid Limbongan, Besut,

Terengganu (Astro Awani, 3 Mac 2014). Seterusnya, dalam laporan media Sinar Harian bertarikh 6 Mac 2014 dilaporkan beberapa naskhah mushaf al-Quran yang rosak dan koyak tidak dilupuskan dengan baik, sebaliknya terbiar serta diletakkan di luar bangunan Masjid Kampung Kubu, Pengkalan Berangan, Terengganu (Sinar Harian, 6 Mac 2014).

Terbaru, kejadian yang menggemparkan negara kita apabila cebisan kecil kertas yang tertera ayat al-Quran didapati bertaburan di atas jalan raya di Labis Johor (Berita Harian Online, 24 Jun 2016). Berita Harian Online turut melaporkan bahawa kejadian yang berlaku telah menjadi isu yang hangat dan viral di laman-laman sosial bahawa pelaku telah mengoyak helaian al-Quran menjadi cebisan yang kecil sebelum melemparnya ke jalan raya (Berita Harian Online, 24 Jun 2016).

Selain itu, isu yang timbul dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia apabila sesetengah pihak yang mendakwa proses pembakaran al-Quran bagi tujuan pelupusan adalah seperti menghina dan menjatuhkan martabat kitab suci umat Islam (Mohd Shah, 2012). Hal ini terjadi apabila pembakaran al-Quran yang dibuat terang-terangan di khalayak ramai, walhal proses pembakaran al-Quran perlulah dilakukan di tempat yang dikawal selia dan ditanam di tempat yang tidak dilalui orang atau dibuang abunya ke dalam laut atau sungai yang mengalir airnya (Muzakarah Fatwa Kebangsaan, 1992).

Berdasarkan kes-kes yang berlaku menunjukkan bahawa masyarakat dilihat tidak menitikberatkan isu melupuskan bahan al-Quran ini mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Syarak. Justeru, satu kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan terhadap amalan pelupusan bahan al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia bagi mengenalpasti tahap pematuhan mereka dalam melupuskan bahan al-Quran mengikut kaedah Syarak.

1.2.2 Masalah Agensi Pelaksana dalam Pengurusan Pelupusan Bahan al-Quran

Permasalahan lain kajian ini adalah berkaitan dengan kos pengurusan yang tinggi dihadapi oleh agensi pelaksana pelupusan bahan al-Quran berikutan lambakan naskhah al-Quran yang dihantar ke pusat pelupusan al-Quran ini. Di Malaysia, Syarikat Pelupusan Saufi merupakan satu-satunya syarikat yang diberi lesen oleh Bahagian Kawalan Penerbitan Bahan al-Quran Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk membekal, mengganti dan mengambil al-Quran lama yang bukan Mushaf Uthmani bagi tujuan pelupusan (Syarikat Pelupusan al-Saufi, 2012; Rahmat Mahdan, 2014).

Selain menghadapi masalah kos kewangan yang tinggi, mereka terpaksa berhadapan dengan masalah ketiadaan tempat. Mereka terpaksa mencari atau menyewa tempat yang sangat luas untuk menjalankan operasi pelupusan bahan al-Quran kerana memerlukan ruang yang luas bagi mengumpulkan naskhah-naskhah bahan al-Quran, seterusnya ruang bagi membakar dan mengumpulkan abu. Oleh yang demikian, bayaran telah dikenakan pada setiap bahan yang dihantar oleh mana-mana pihak termasuk Kementerian Dalam Negeri. Dalam melupuskan bahan-bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran ini, Majlis Agama Islam Negeri akan menggunakan kewangan daripada dana Kerajaan Negeri yang sangat terhad dan sekiranya permohonan pelupusan melebihi daripada sumber kewangan yang diperolehi, ini menjadi suatu permasalahan apabila pihak terbabit terpaksa menghadkan penghantaran pelupusan (Fatin Mahfuzah, 2013).

Pengeluaran cetakan bahan al-Quran yang saban hari semakin meningkat telah menyebabkan pihak pengurusan tidak mampu menanggung kos yang tinggi dan permohonan yang terlalu banyak. Menurut Pengarah Projek Insinerator Pelupusan al-Quran Lusuh bagi Pusat Pelupusan Masjid Jamek Hj Mat Saman, En Zainudin Md. Dom (2011), statistik telah menunjukkan bahawa sebanyak 10 juta buah buku agama dan kitab dicetak setiap tahun bagi kegunaan seramai 700,000 anak-anak orang Islam

yang belajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah agama di seluruh negara. Pada hakikatnya bahan-bahan cetak yang mengandungi ayat al-Quran akan melalui proses lusuh dan rosak. Apatah lagi jika mushaf al-Quran berkenaan sudah usang atau terkoyak, terperap lama dalam almari sehinggakan dimakan anai-anai. Menurut beliau lagi, dianggarkan sebanyak 200-250 ribu tan bahan cetak lusuh yang mengandungi ayat al-Quran telah terkumpul setiap tahun akibat tidak dilupuskan dengan betul (Zainudin, 2011; Rahmat Mahdan, 2012).

Seterusnya, berikutan dengan musibah banjir yang melanda di beberapa negeri di Malaysia pada penghujung tahun 2014 yang lepas, sebanyak 200-500 tan naskhah al-Quran dan kitab yang mengandungi ayat suci al-Quran telah rosak teruk akibat banjir yang melanda perlu dilupuskan (Rahmat Mahdan, 2015; Persatuan Pengguna Islam Malaysia, 2015). Kitab-kitab ini telah banyak ditemui dalam keadaan berlumpur, seterusnya ada yang mengembang akibat terendam dalam air dengan kadar yang agak lama dan rosak teruk akibat air banjir yang sangat deras.

Justeru, berikutan permasalahan akibat banjir ini, agensi pelaksana terpaksa memikirkan masalah kos pengurusan yang sangat tinggi apabila terdapat lambakan naskhah mushaf al-Quran yang rosak terlalu banyak. Teks yang basah atau lembab tadi perlu dikeringkan terlebih dahulu sebelum menjemurnya dan diproses untuk dibakar. Seterusnya, teks yang telah renyuk atau mengandungi anai-anai tidak dapat diracik menggunakan mesin *shredder* serta tidak dapat dibakar dengan sempurna menggunakan mesin insinerator dan ianya perlu diolah secara manual agar dapat dibakar dengan sempurna. Hal ini menyebabkan proses pelupusan bahan al-Quran ini memerlukan tenaga kerja yang sangat ramai serta bantuan mesin kerana memerlukan beberapa proses pembakaran sebelum abunya dihantar ke laut. Oleh yang demikian, ruang yang luas juga diperlukan bagi menyimpan dan mengumpulkan bahan yang akan dibakar, ruang bagi bahan yang sedang dalam proses serta bahan yang telah diproses (abu doh). Antara peringkat proses yang perlu dilalui dalam proses pelupusan tersebut adalah pengumpulan, penyaringan bahan, peleraian dan mencari bahan, pembakaran, pengadunan abu, pengeringan dan pembungkusan sebelum penghantaran ke laut bagi melupuskan.

Agensi pelaksana ini turut menghadapi masalah kos pengurusan yang tinggi apabila mereka perlu menyediakan kos tetap bulanan anggaran RM 25,000.00 setiap bulan bagi mengawal kelangsungan kos terdiri daripada kos tenaga kerja atau pekerja, kos tapak pemrosesan, kos bahan api, utiliti dan pengangkutan bagi memastikan kerja-kerja pelupusan dapat dijalankan dengan lancar (Arieff et. al., 2012; Rahmat Mahdan, 2014; Fatin Mahfuzah, 2015). Justeru, bagi menghadapi masalah pelupusan naskhah mushaf al-Quran yang rosak akibat banjir ini, pihak agensi terbabit memerlukan dana yang lebih tinggi berikutan kos pengangkutan yang perlu dihadapi bagi membawa pulang naskhah-naskhah yang rosak ke tempat pelupusan di Cheras untuk kerja-kerja pelupusan (Rahmat Mahdan, 2015).

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan laporan pelbagai kes penghinaan kepada bahan dan mushaf al-Quran itu di samping masalah-masalah yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam melupuskan bahan al-Quran, maka satu kajian yang komprehensif perlu dilakukan. Kajian berkaitan tahap pematuhan masyarakat Islam terhadap hukum Syarak bagi melupuskan bahan yang mengandungi bahan al-Quran perlu dilakukan bagi mengenalpasti tahap pematuhan masyarakat terhadap hukum dan kaedah Syarak pelupusan bahan al-Quran, serta faktor yang mempengaruhi tahap pematuhan tersebut. Selanjutnya amalan kaedah pengurusan pelupusan bahan al-Quran yang telah dipraktikkan oleh agensi pelaksana dalam melupuskan bahan al-Quran dianalisa dan mengenalpasti segala cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam menguruskan pelupusan bahan al-Quran di Malaysia.

Kajian ini memberikan fokus kepada amalan dan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat dan agensi pelaksana dalam melupuskan bahan al-Quran di Malaysia. Justeru, kajian ini diharapkan dapat

memberikan kesedaran kepada umum bahawa kesucian al-Quran mula tercemar dan perlu dipelihara melalui kaedah pelupusan bahan al-Quran ini.

1.4 Objektif Kajian

Sesuai kajian mestilah mempunyai matlamat dan objektif yang jelas dan konkrit yang akan memandu ke arah pencapaian matlamat kajian (Kamarudin Ngah, Roslim Md. Akhir, 1990). Bagi mencapai matlamat kajian ini, beberapa objektif utama telah digariskan antaranya:

- 1) Mengenalpasti tahap pematuhan masyarakat Islam di Malaysia terhadap hukum dan kaedah pelupusan bahan al-Quran di Malaysia.
- 2) Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tahap pematuhan masyarakat Islam di Malaysia terhadap hukum dan kaedah pelupusan bahan al-Quran di Malaysia.
- 3) Mengenalpasti amalan agensi pelaksana yang menguruskan pelupusan bahan al-Quran di Malaysia.
- 4) Menganalisa cabaran agensi pelaksana yang menguruskan pelupusan bahan al-Quran di Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi menjawab persoalan berikut:

- 1) Apakah tahap pematuhan masyarakat Islam di Malaysia terhadap hukum dan kaedah pelupusan bahan al-Quran di Malaysia.
- 2) Apakah faktor yang mempengaruhi tahap pematuhan masyarakat Islam di Malaysia terhadap hukum dan kaedah pelupusan bahan al-Quran di Malaysia.

- 3) Apakah amalan agensi pelaksana yang menguruskan pelupusan bahan al-Quran di Malaysia.
- 4) Apakah cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana yang menguruskan pelupusan bahan al-Quran di Malaysia.

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam usaha menyelesaikan masalah kes penghinaan masyarakat Islam di Malaysia terhadap bahan al-Quran yang perlu dilupuskan serta cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam menguruskan pelupusan bahan al-Quran amnya, kajian ini bertepatan dengan keperluan semasa. Sehubungan dengan itu, hasil kajian yang akan dilakukan ini diharapkan dapat memberi manfaat dan panduan kepada:

1.6.1 Masyarakat

Kajian ini diharap berupaya memberi kesedaran dan kefahaman yang jelas terhadap masyarakat tentang kaedah melupuskan bahan al-Quran. Di samping itu, masyarakat diharapkan dapat memahami bahawa bahan-bahan yang sering kita kurang prihatin seperti kad jemputan kahwin, bingkai hiasan di dinding, pelekat di kenderaan, buku-buku latihan yang mengandungi ayat al-Quran merupakan bahan al-Quran yang kita perlu lupuskan dengan cara yang betul mengikut Syarak.

1.6.2 Pusat Pelupusan Al-Quran - Syarikat Pelupusan Saufi

Kajian ini diharap berupaya membantu Pusat Pelupusan al-Quran Syarikat Pelupusan Saufi sebagai pelaksana menjalankan kerja-kerja pelupusan bahan dan bahan-bahan yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran dan satu-satunya syarikat yang diiktiraf oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk melaksanakan aktiviti pelupusan ini dalam menyelesaikan masalah kos pengurusan yang tinggi yang dihadapi oleh mereka, masalah kos tenaga kerja serta ketiadaan ruang yang luas untuk beroperasi dengan menggunakan dana-dana kewangan seperti wakaf, baitulmal dan zakat.

1.6.3 Bahagian Penyelidikan di setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang mewakili Bahagian Penyelidikan di jabatan mereka sebagai satu entiti peringkat kerajaan negeri yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti pelupusan bahan al-Quran boleh menggiatkan lagi aktiviti dengan menggunakan peruntukan dana kewangan dalam menguruskan pelupusan bahan al-Quran di negeri masing-masing tanpa perlu meminta bantuan kepakaran daripada Jabatan Agama Islam di negeri lain. Selain itu, entiti pelaksana ini boleh menggunakan kajian ini bagi mempertingkatkan mutu inovasi alat pelupusan yang digunakan mereka kini serta menambahbaik mutu perkhidmatan mereka dalam menjalankan amalan pelupusan ini. Selain itu, jabatan-jabatan ini diharapkan dapat memaksimumkan peranan mereka dalam memberikan kefahaman yang sebenar kepada masyarakat terhadap kaedah melupuskan bahan al-Quran yang betul menepati Syarak.

1.6.4 Unit Kawalan Teks al-Quran di bawah Kementerian Dalam Negeri

Unit Kawalan Teks al-Quran (UKTQ) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga merupakan pihak berwajib dalam menjalankan pelupusan bahan al-Quran terhadap bahan rampasan yang mempunyai kesalahan teknikal seperti salah cetak atau tidak menepati piawaian Unit Kawalan dan Penerbitan al-Quran dalam mengimplementasikan sesuatu akta bagi memelihara kesucian al-Quran. Selain itu, KDN boleh mengguna pakai kajian ini bagi mengatasi masalah penyelewengan terhadap bahan al-Quran dengan cara menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada, menghukum individu atau syarikat yang terbukti melakukan penyelewengan atau penghinaan terhadap al-Quran dan bahan-bahan yang mengandungi ayat al-Quran.

1.6.5 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai satu entiti peringkat kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab melulus dan mengawal aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelupusan al-Quran seluruh negara boleh menggunakan kajian ini bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh agensi pelaksana seperti kos pengurusan yang tinggi, ruang yang terhad, tenaga kerja yang terhad, dan lain-lain bagi memastikan proses dalam melupuskan bahan al-Quran berjalan lancar. Selain itu, JAKIM juga dapat berperanan dalam memberikan kefahaman yang jelas terhadap masyarakat terhadap kaedah pelupusan bahan al-Quran yang betul mengikut Syarak dengan mengunapakai kajian ini.

1.6.6 Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sebagai satu entiti peringkat kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab mengawal selia harta-harta dan dana-dana wakaf boleh menggunakan kajian ini bagi mengimplementasikan kaedah wakaf dalam menyelesaikan isu kos pengurusan untuk pelupusan al-Quran yang sangat tinggi yang dihadapi oleh agensi pelaksana dan kos pelupusan yang dihadapi oleh masyarakat. Pihak JAWHAR juga boleh memperuntukkan dana wakaf yang diperolehi daripada kerajaan Persekutuan untuk diberikan kepada agensi-agensi pelaksana yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi menggunakan dana wakaf untuk menguruskan proses pelupusan al-Quran.

1.7 Batasan Dan Skop Kajian

Penganalisan tertumpu kepada amalan masyarakat melupuskan al-Quran dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Seramai 405 orang responden di seluruh Malaysia yang menjadi fokus penyelidikan dalam mengkaji amalan pelupusan masyarakat Islam di Malaysia terhadap hukum Syarak ini. Pemilihan responden bagi menjawab soal selidik ini terdiri daripada masyarakat Islam yang berumur 18 hingga 65 tahun yang mempunyai latar belakang pendidikan agama atau tidak. Rasional pemilihan had umur ini berdasarkan kematangan mereka yang menjadi asas penting dalam mendapatkan maklumat yang berwibawa dan boleh dipertanggungjawabkan (Nasih Ulwan, 1998).

Seterusnya, penyelidik mengenalpasti amalan pelaksanaan dan permasalahan yang dihadapi oleh agensi-agensi pelaksana dalam menguruskan pelupusan bahan al-Quran di Malaysia. Pada peringkat awal, penyelidik memfokuskan kajian kepada

lima agensi iaitu Pusat Pelupusan Syarikat Saufi mewakili agensi swasta dan tiga lagi agensi pelaksana yang terdiri daripada Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Terengganu (JHEAT), Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Johor (JAJ) dan Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) mewakili agensi pelaksana di peringkat negeri dan Unit Kawalan Teks al-Quran di Kementerian Dalam Negeri (UKTQ) mewakili agensi pelaksana di peringkat Persekutuan. Rasional pemilihan Pusat Pelupusan Syarikat Saufi adalah berdasarkan kepada keaktifan syarikat ini dalam menjalankan aktiviti pelupusan bahan al-Quran semenjak tahun 2007 lagi. Selain itu, JHEAT, JAJ dan JAWI telah dipilih oleh penyelidik untuk dijalankan kajian berdasarkan saranan pengurus Pusat Pelupusan Syarikat Saufi bahawa ketiga-tiga agensi ini yang aktif menjalankan aktiviti pelupusan bahan al-Quran di negeri masing-masing. Selain itu, ketiga-tiga agensi peringkat negeri ini yang mempunyai kepakaran dan kehebatan alat inovasi pelupusan yang tersendiri juga telah diambil kira oleh penyelidik untuk menjalankan kajian. Walaubagaimanapun, penyelidik membataskan kajian terhadap 2 agensi sahaja bagi peringkat negeri iaitu JHEAT dan JAJ sahaja apabila pihak JAWI menghadapi masalah dalam menjalankan aktiviti pelupusan semenjak 2 tahun ini. Bagi peringkat persekutuan, penyelidik telah menjalankan kajian terhadap Unit Kawalan Teks al-Quran di Kementerian Dalam Negeri kerana berperanan sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam mengawalselia semua teks, bahan dan ayat-ayat al-Quran yang dicetak, diterbitkan, diimport, dijual dan diedar di negara ini adalah bersih daripada sebarang kesilapan dan kesalahan di negara ini seterusnya melupuskan bahan al-Quran mengikut Syarak yang digariskan.

Seterusnya, penyelidik mengambil tempoh untuk menjalankan sesi temubual terhadap empat-empat agensi ini berdasarkan masa kelapangan mereka dan bersesuaian dengan tempoh penyelidikan ini dijalankan. Penyelidik beranggapan bahawa sekiranya penyelidik memaksa serta menetapkan masa tidak bersesuaian dengan masa kelapangan mereka, hasil penyelidikan ini tidak akan dicapai.


1.8 Kerangka Teori

Kerangka teori merupakan satu penjelasan yang luas dan umum tentang perkaitan antara konsep-konsep yang dikaji (Sabitha Marican, 2005). Menurut Sabitha Marican (2005) lagi, ia berdasarkan penjelasan teori sedia ada iaitu penyelidik akan menggunakan kerangka teori untuk menjelaskan teori tentang sesuatu hal yang dikaji. Kerangka teori ini penting kerana ia merupakan asas untuk menerangkan secara keseluruhan apa yang hendak dikaji dalam suatu penyelidikan (Sabitha Marican, 2005; Chua Yan Piaw, 2006).

Kajian ini akan menggunakan Ontologi Pengurusan Pematuhan atau dikenali sebagai CoMOn (*Compliance Management Ontology*) untuk melihat tahap pematuhan masyarakat terhadap hukum Syarak dan kaedah melupuskan bahan al-Quran di Malaysia (Syed Norris Hikmi, 2012). Kepatuhan merupakan suatu bentuk perilaku manusia yang berasal daripada dorongan yang ada dalam diri manusia untuk memenuhi keperluan yang ada dalam diri manusia (Tyler, 1997; Syed Norris Hikmi, 2012).

Justeru penyelidik telah mengadaptasi satu Ontologi Pengurusan Pematuhan untuk merangka pengurusan pematuhan pelupusan bahan al-Quran di Malaysia. Ontologi ini merangkumi 7 konsep berkaitan pelupusan bahan al-Quran dan bahan yang mengandungi ayat al-Quran iaitu proses, budaya, kewajipan masyarakat dalam mematuhi aktiviti pelupusan, program yang dijalankan bagi memberi kefahaman pada masyarakat bagi mematuhi aktiviti pelupusan, sumber yang akan diperoleh sekiranya masyarakat tidak patuh akan pelupusan ini, risiko yang akan dihadapi oleh syarikat atau organisasi pelaksana dalam menjalankan aktiviti pelupusan ini dan akhir sekali penyelesaian yang kita boleh buat bagi memastikan kaedah pelupusan ini dijalankan mengikut syarak, sama ada daripada masyarakat mahupun syarikat dan organisasi pelaksana.

Kerangka teori ini telah dijelaskan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Pengurusan Pematuhan Pelupusan Teks al-Quran di Malaysia (adaptasi daripada *Compliance Management Ontology* oleh Syed Norris Hikmi, 2012)

1.9 Definisi Istilah

Dalam kajian ini terdapat beberapa definisi istilah yang perlu dikemukakan bagi menjelaskan maksud istilah tersebut sepertimana yang dikehendaki oleh penyelidik:

1.9.1 Pelupusan

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2002), pelupusan berasal daripada kalimah lupus iaitu perihal perbuatan melupuskan. Ia termasuklah dengan maksud kalimah mentiadakan atau memusnahkan sesuatu. Justeru, takrifan tepat berkenaan pelupusan teks atau lebih tepat adalah bahan al-Quran telah dijelaskan secara terperinci di dalam Seksyen 11 (1) di dalam Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Pindaan) (2008), kaedah pelupusan ialah dengan cara memusnahkannya iaitu membakarnya sehingga tiada apa-apa kesan (Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Pindaan), 2008).

Manakala definisi pelupusan yang digariskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pelupusan adalah bahan buangan atau lebihan yang mengandungi huruf atau ayat-ayat suci al-Quran hendaklah dilupuskan secara berasingan daripada bahan-bahan lain, serta dilarang menggunakannya semula bagi apa-apa tujuan sekalipun sama ada dengan cara membakarnya atau menanannya (Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Bahan-bahan yang Mengandungi Ayat-Ayat Suci Al-Quran, 2008). Kaedah pelupusan bahan al-Quran adalah secara pembakaran atau dengan kaedah tanam. Pelupusan bahan al-Quran ini terpakai pada al-Quran yang rosak, koyak, yang tidak dapat dibacakan lagi dan bukan *Rasm Uthmani* dan perlulah ditiadakan dengan cara bakar dan tanam di tempat yang dikawal (Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Pindaan), 2008).

Manakala maksud pelupusan bahan al-Quran menurut Seksyen 11(1) dalam Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Pindaan) (2008), pelupusan bahan al-Quran ialah bahan buangan daripada al-Quran atau bahan-bahan al-Quran dengan mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa apa-apa bahan buangan yang tercetak di atasnya harus dimusnahkan serta-merta dengan cara membakarnya sehingga tiada meninggalkan kesan yang ditutup tempatnya daripada dimasuki orang awam (Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Pindaan), 2008).

1.9.3 Bahan al-Quran

Menurut Seksyen 2 Akta Pelupusan Bahan al-Quran (1986), bahan al-Quran bermaksud “sesuatu dokumen yang mengandungi bahan bahasa Arab yang lengkap bagi al-Quran atau mana-mana bahagiannya yang mengandungi satu juzu’ atau lebih sama ada dengan terjemahan atau tafsiran atau tidak, mengikut mana-mana yang berkenaan”. Walaubagaimanapun, akta ini telah dipinda pada tahun 1998 bagi membolehkan takrif bahan al-Quran yang mana sebelum ini hanya tertumpu kepada bahan al-Quran dan ayat al-Quran dalam bentuk lembaran kertas sahaja tidak termasuk format-format lain seperti CD-Rom, disket komputer, pita video, kaset dan sebagainya (Dewan Negara, 1998).

Justeru, takrif bagi istilah bahan al-Quran telah diperluaskan apabila takrif dokumen diperincikan sebagai bahan al-Quran yang merangkumi apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain dengan menggunakan huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain; apa-apa rakaman tampak (sama ada imej kaku atau bergerak); apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik atau apa jua pun data lain; suatu rakaman, atau pemancaran dari suatu jarak adalah merupakan bahan al-Quran (Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Pindaan), 2008).

Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), istilah bahan al-Quran ini menggunakan istilah yang sama seperti di dalam Akta Pelupusan Bahan Al-Quran 1986 (Pindaan). Namun, pihak JAKIM telah memperincikan lagi maksud bahan al-Quran itu kepada bahan-bahan yang terdapat dalam pelbagai kegunaan, antaranya dalam bentuk penerbitan bercetak seperti buku, suratkhbar, majalah, cenderamata, bahan perhiasan, gambar berbingkai, cakera optik termasuk CD, VCD, DVD, pita

kaset dan memori kad, pelekat (sticker), poster, kain rentang, pakaian, dan ukiran pada jubin lantai yang melibatkan premis-premis seperti kedai, supermarket, gerai pasar malam, pejabat dan sebagainya adalah merupakan bahan al-Quran dan perlu dilupuskan menggunakan kaedah pelupusan yang mengikut Syarak (Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Bahan-bahan Penerbitan dan Perhiasan yang Mengandungi Ayat-ayat Suci al-Quran, 2008).

1.10 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teori dan definisi istilah. Perbincangan ini memberi gambaran awal aspek penting kajian ini selain memudahkan kefahaman pembaca terhadap penggunaan istilah yang terdapat dalam kajian ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Al-Qari Haji Salleh (2012). *Mari Membaca al-Quran Dengan Menangis*. Selangor: Penerbit Al-Hidayah.
- Abdullah Nasih Ulwan (1998). *Pendidikan Anak dalam Islam*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Abd Rahman Abd Ghani (2009). *Pemeliharaan Al-Quran: Kajian di Unit Kawalan Teks Al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*. Universiti Malaya. Tesis Doktor Falsafah.
- Abdul Hayei Abdul Sukor (2003). *Islam dan Manusia 1001 Kemusykilan*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn Bhd.
- Abdul Karim Zaidan (2006). *Al-Wajiz fi Usul Fiqh*. Lebanon: Risalah Publisher.
- Abdullah Bin Basmeih (1995). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Bhg. Hal Ehwat Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Abraham S. Fischler (2012). *Mixed Methods*. School of Education, Nova Southeastern University.
- Adibah Binti Abdul Latif (2013). *Pembangunan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.
- Ahmad Rabiul Zulkifli (29 Julai 2012). Pelupusan Pelihara Kesucian al-Quran. Diakses dari <http://www.hmetro.com.my> pada 20 Disember 2013.

- Ahmad Syahir Kassim (29 September 2011). Lagi kes buang al-Quran. Diakses dari <http://www.kosmo.com.my> pada 20 Disember 2013.
- Ajzen, I. (1991). *The Theory of Planned Behavior*. Organizational Behavior and Human Decision Processes. 50:179-211.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan (1997). Kesalahan Mempersendakan, dll. ayat Al-Quran atau Hadith. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 disember 2014.
- Al-Amidi, Ali bin Abi Ali. (1967). *Al-Ahkam fi Usul al-Ahkam*. Kaherah: Muassasah al-Halabi.
- Al-Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar (1959). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Juz 8. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Al-Atrasy, Mahmud Ahmad Said (t.th.). *Ahkam Syari` lil Qurail Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiah.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus bin Solah al-Din bin Hasan bin Idris (2003). *Kashaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Sunt. Ibrahim Ahmad Abdul Hamid. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Jufi (1988). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (2004). *Ihya' 'ulum al-din*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Mawardi, Abu Hasan Ali Muhammad bin Habib al-Basri Asy-Syafi'i (1994). *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar ul-Fikr

- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhy al-Din Yahya bin Syarf (1392H). *al-Minhaj syarh Sohik Muslim bin al-Hajjaj*. Cet. ke-2. 9 Jilid. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Yahya bin Syarf (1993). *al-Tibyan fi Adab Hamlah 'ala al-Quran*. Beirut: Maktabah Dar al-Bayan.
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Yahya bin Syarf al-Din al- (t.th), *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab ma'a Takmilah al-Subki wa al-Muti'i*. Makkah: Maktabah al-Irshad.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari (1993). *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati (1997). *al-Muwafaqat fi usul al-Syari'ah*. Sunt. Ibrahim Ramadhan. Cet. ke-3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Unays, 'Abd al-Hakim (2013). *al-Waqf 'ala al-Qur'an*. Dubai: Idarah al-Syu'un al-Islamiyah wa al-'Amal al-Khayri.
- Al-Zarkasyi, Sheikh Muhammad bin Abd Allah (1967). *Al-Burhan fi al-Ulum al-Quran*. Mesir: Dar al-Turath.
- Anan C. Mohd (2014). Senario Pembangunan Waqaf di Malaysia: Waqaf Melestarikan Pembangunan Ummah. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Waqaf Antarabangsa 2014* di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 7-10 Disember. 1-30.
- Aqmar Alladad (18 Oktober 2010). Diracik, dimandi dan dikebumi. Diakses dari <http://www.kosmo.com.my> pada 20 Disember 2013.
- Arieff Salleh Rosman *et al.*, (2012). *Amalan Pelupusan Teks Al-Quran dalam Kalangan Masyarakat Islam*. Laporan Penyelidikan Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi UTM. Tidak diterbitkan.

- Asma Afsaruddin (2002). The Excellences of the Quran: Textual Sacrality and The Organization of Early Islamic Society. *Journal of the American Oriental Society*. 122.1
- Astro Awani (4 Mac 2014). Gempar Naskah Al-Quran dibuang Merata Tempat. Diakses dari <http://www.astroawani.com/news> pada 201 Desember 2014.
- Ayatullah, Muhammad Baqir Hakim (2006). *‘Ulumul Quran*. Jakarta: Penerbit al-Huda.
- Bagader, Abubakr Ahmed et al (1994) Environmental Protection in Islam. *IUCN Environmental Policy and Law Paper*. No. 20.
- Bailey, Carol A. (2007). *A Guide to Qualitative Field Research*. Second Edition. California: Pine Forge Press.
- Bogdan, R.C. & Miklen, S.K. (2003). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Clifton F. Conrad & Ronald C. Serlin (2006). *The Sage Handbook for Research in Education Engaging Ideas and Enriching Inquiry*. London: Sage Publication.
- Cohen, L; Manion, L; & Morrison, K. (2000). *Research methods in Education*. Fifth Edition. London: Routledge Falmer.
- Cohen, R.J. & Swerdlik, M.E. (2002). *Psychological Testing & Assessment: An Introduction to Test and Measurement*. Ed. Ke-5. Boston: McGraw-Hill.
- Creswell, John W (2009). *Research Design : Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches 3rd ed.*. London :SAGE Publications.
- Creswell, John W (2010). *Research Design. Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed. Edisi Ketiga* (Terjemahan). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

- Cronbach, L. J. & Meehl, P. E. (1955). *Construct Validity in Psychological Tests*. Psychological Bull., 52, 281-302.
- Daniel Muijs (2004). *Doing Quantitative Research on Education with SPSS*. 2nd Edition. London: Sage Publications.
- Dayang Hj Tiawa Awing Hj Hamid, Abdul Hafidz Omar (2009). *Analisis Data Kualitatif*. Johor : Nasmak Sdn Bhd
- Dewan Rakyat Malaysia (2011). Aturan Urusan Mesyuarat. 3 November 2011. Bil 51. Diakses dari <http://www.parlimen.gov.my> 20 Disember 2012.
- Dodge, Y. (2003). *The Oxford Dictionary of Statistical Terms*. (Y. Dodge, D. Cox, D. Commenges, A. Davison, P. Solomon, & S. Wilson, Eds.). The International Statistical Institute.
- e-fatwa (22 Ogos 1992). Pelupusan Al-Quran. Diakses dari <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pelupusan-al-quran> pada 20 Disember 2014.
- e-fatwa (27 Ogos 2002). Kaedah Memusnahkan Ayat-ayat Suci Al-Quran. Diakses dari <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-memusnahkan-ayat-ayat-suci-al-quran> pada 20 Disember 2014.
- Elder, S. (2009). ILO School-To-Work Transition Survey: A Methodological Guide. Geneva: International Labour Office.
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis (1991) Kesalahan Menghina ayat-ayat yang dipandang suci oleh orang Islam. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 Disember 2014.
- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Kelantan (1985) Kesalahan Mempersenda Ayat al-Quran dan Lain-lain. Diakses dari <http://www.jksn.kelantan.gov.my> pada 25 Disember 2014.

Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan (1992) Kesalahan Mempermainkan dsb., ayat al-Quran atau Hadith. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 Disember 2014.

Enakmen Jenayah Syariah Perak (1992) Kesalahan Mempersenda dsb., ayat al-Quran atau Hadith. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 Disember 2014.

Enakmen Jenayah Syariah Selangor (1995) Kesalahan Mempersendakan, dll., ayat al-Quran dan Hadith. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 Disember 2014.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor (1997) Kesalahan Mempersendakan, dll. ayat Al-Quran atau Hadith. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 Disember 2014.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pahang (2013) Kesalahan Mempersendakan, dll. ayat Al-Quran atau Hadith. Diakses dari <http://pahang.jksm.gov.my> pada 25 Disember 2014.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang (1996) Kesalahan Mempersendakan, dll., ayat Al-Quran atau Hadith. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 Disember 2014.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah (1995) Kesalahan Mempermainkan ayat Al-Quran atau Hadith. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 Disember 2014.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir Terengganu (2001) Kesalahan Mempersendakan, dll. Ayat al-Quran atau Hadith. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 Disember 2014.

Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka (1991) Kesalahan Mempermainkan ayat al-Quran atau Hadith. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 Disember 2014.

Fatin Mahfuzah Mohd Yusof (2015). Pengurusan Pelupusan Teks-Teks Al-Quran di Negeri Selangor dan Permasalahannya. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Fatin Mahfuzah Mohd Yusof dan Tengku Intan Zarina bt Tengku Puji, (2014). Proses Pengurusan Pelupusan Teks-Teks Al-Quran di Selangor: Peranan Pihak Yang Bertanggungjawab dan Permasalahannya. *Seminar Penyelidikan Kebangsaan*. 24 Mei. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 96-109.

Flick, U. (2009). *An Introduction To Qualitative Research*. (4th edition). London: Sage Publications.

Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E. 1996. *How to Design and Evaluate Research*. USA : Mc. Fraw-Hill Inc.

Gibbs, G. (2009). *Analyzing qualitative data*. London: SAGE.

Hafiz Aizat Ali (2014). Merekabentuk dan Penambahbaikan Mini Insinerator Untuk Melupuskan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Mengikut Syarak. Tesis Sarjana Muda. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor.

Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L., & Black, W.C. (1998). *Multivariate data analysis*. New Jersey: Prentice Hall.

Harian Kosmo (17 September 2012). Relau lupus Al-Quran dengan lebih efisien dicipta. Diakses dari <http://www.kosmo.com.my> pada 20 Disember 2013.

Haris Fadilah Ahmad (30 Januari 2012). Al-Quran dibuang dalam guni. Diakses dari <http://www.kosmo.com.my> pada 20 Disember 2013.

Haskafi, Muhammad ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali bin Abdul Rahman al-Hanafi al- (2002). *al-Durr al-Mukhtar*. Juz 1. Dar al-Kutub al-‘Alamiyyah.

Hasliza Hassan (19 September 2010). Lupus ikut Syariah. Diakses dari <http://www.bharian.com.my> pada 20 Disember 2013.

Hasliza Hassan (21 Jun 2012). Pendekatan maqasid hurai permasalahan baru. Diakses dari <http://www.bharian.com.my> pada 9 Januari 2014.

Husna Binti Husain (2003). *Pemalsuan Terhadap Al-Quran: Kajian Terhadap Surah Palsu*. Universiti Malaya. Tesis Sarjana.

Ibnu 'Abidin, Muhammad Amin bin Umar bin 'Abdul 'Aziz 'Abidin al-Dimashqi al-Hanafi (1992) *al-Durr al-Mukhtar wa Hashiyah Ibnu 'Abidin*. Beirut: Darul Fikr.

Ibnu Battal, Abu al-Hasan Ali bin Khalaf bin Abdul Malik (2003) Abu Tamim Yasir bin Ibrahim (ed). *Syarah Sahih al-Bukhari*. Juz 1. Arab Saudi: Darul Nasyr.

Ibnu Manzur, Muhammad Ibn. Mukarram (1990), *Lisan al-Arab*, jld. 9. Beirut: Dar Sadr.

Itr, Nuruddin (1993). *Ulum al-Quran al-Karim*. Dimashq: Dar al-Khayr.

Jabatan Agama Islam dan Hal Ehwal Terengganu (2013). *Peningkatan Lambakan Al-Quran Lama dan Rosak*. Laporan Inovasi Pembakaran al-Quran Relau. Terengganu: Jabatan Agama Islam dan Hal Ehwal Terengganu.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2008). *Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Bahan-Bahan Penerbitan dan Perhiasan*. Putrajaya: JAKIM.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2009). *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2014). e-fatwa: Portal Rasmi Fatwa Malaysia. Diakses dari <http://www.efatwa.gov.my> pada 20 Disember 2014.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). *Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi*. Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jafri Abdullah (2015). Unit Kawalan Penerbitan & Teks al-Quran, Putrajaya. Temubual 20 November 2015.

Johns, R. (2010). Likert Items and Scales. *Survey Question Bank: Methods Fact Sheet, 1*.

Kamarudin Ngah, Roslim Md. Akhir (1990). *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kamarul Azmi (2012). *Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif* in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resot Melaka on 28-29 Mac 2012. Institut Perguruan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.

Kamarul Azmi Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.

Kementerian dalam Negeri (2015). Portal Rasmi Kementerian dalam Negeri (KDN). Diakses dari <http://www.moha.gov.my> pada 20 Januari 2015.

Kenneth D. Bailey. (1984). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Kerlinger, F.N. dan Lee, H.B. (2000). *Foundations of Behavioral Research* 4th ed. United States: Wadsworth Thomson Learning.

Khairi Mohamad (26 September 2011). Buang al-Quran di Bangsal Lembu. Diakses dari <http://www.kosmo.com.my> pada 20 Disember 2014.

Khairul Anuar Mohamad (2005). *Pengurusan dan Proses Percetakan al-Quran di Yayasan Restu, Yayasan Terengganu dan Percetakan al-Mua'ri*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Khidmat Syariah TV al-Hijrah (30 Mac 2014). Kaedah Pelupusan al-Quran. Diakses dari www.moha.gov.my pada 20 Disember 2014.

Krathwohl, D.R., Bloom, B.S., & Masia, B.B. (1964). *Taxonomy of Educational Objectives: Handbook II: Affective Domain*. New York: David McKay Co.

- Merriam, S.B (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Athens: The Jossey-Bass.
- Merriam, S.B. & Associates (2002). *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analysis*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Minicheillo, V. (1995). *In-Depth Interviewing: Principles, Techniques, Analysis*. Melbourne: Longman.
- Mohamad Akram Laldin, M. Mek Wok and S. Mohd. Fuad (2008). Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Waqaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Jilidid 2. Bil 2.
- Mohamad Najib, A. G. (2006). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Arif Budiman (2011). The Role of Waqf for Environmental Protection in Indonesia. *Aceh Development International Conference 2011*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 26-28 Mac. 880-889.
- Mohd Amirul Asraf Ismail (2014). *Modifikasi dan Ujilari Mesin Pelupusan Teks Al-Quran Mudah Alih*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor.
- Mohd Azhar Abd Hamid (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam Di Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.
- Mohd Hafiz Safiai et al. (2014). Malaysian Observatories and Those of the Islamic Civilization Era: General Similarities. *Middle-East Journal of Scientific Research*. Vol. 20 (12). 2164-2171. DOI:10.5829/idosi.mejsr.2014.20.12.21115.

- Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Kasdi Ali (17 Disember 2011). Abu al-Quran Jadi Buruan. Diakses dari Diakses dari <http://www.hmetro.com.my> pada 20 Disember 2014.
- Mohd. Shah Che Ahmad (19 Oktober 2012). Abu al-Quran dilupus ke laut. Diakses dari <http://www.utusan.com.my> pada 20 Disember 2014.
- Mu'taz Muhammad Mosbah (2013). *Daur al-Waqaf al-Khairi fi al-Tanmiyyah al-Iqtisadiyah: Dirasah Tatbiqiyah li Qita' Gazzah*. Universiti Islam Gaza. Tesis Sarjana.
- Muhammad Faiz Md Amir (2013). *Teknologi Pelupusan Ayat Suci Al-Quran*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor.
- Muhammad Kamal al-Din (1998). *Al-Wasaya wa al-Awqaf fi al-Fiqh Islami*. Muassasah al-Jam'iyah al-Dirasat.
- Muhammad Soleh al-Munajjid, Muhammad bin Soleh al-`Uthaimin Abdul Aziz bin Baz (2007). *Fatwa Adab*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn.Bhd,
- Muhd Izawan Baharin dan Mior Azlan Kamarulbaid (15 September 2011). Hina tanpa sedar. Diakses dari <http://www.hmetro.com.my> pada 20 Disember 2013.
- Mustapa Lakawa (10 April 2012). Jangan buang helaian al-Quran sesuka hati – JHEAT. Diakses dari <http://www.kosmo.com.my> pada 20 Disember 2013.
- Mynewshub (26 September 2011). Berdosa Buang, Longgok Al-Quran Dalam Semak. Diakses dari <http://mynewshub.my> pada 20 Disember 2014.
- Naemah Hamzah (2015). *Aplikasi Amalan Fiqh Sains Rumah Tangga dan Kerjaya dalam Kalangan Akademis Wanita Cemerlang*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.

- Nagamia, Husain F. (2003). Islamic Medicine History and Current Practice. *Journal of the International Society for The History of Islamic Medicine (ISHIM)* 2(4): 1930.
- Nisaburi, Imam Abi Husain Muslim al-Hajjaj al-Qushairi (1997). *Sahih Muslim*. Muassasah 'Iz al-Din.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometric Theory (2nd ed.)*. New York: McGraw-Hill.
- Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sarawak (2001) Kesalahan Mempersendakan, dll., ayat Al-Quran atau Hadith. Diakses dari <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah> pada 25 disember 2014.
- Othman Lebar (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, J. (2013). *SPSS Survival Manual – a step by step guide to data analysis using IBM SPSS*. 5th Edition. England Open University Press.
- Patton, M.Q (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods*. 3rd edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Percetakan al-Saufi (2012). Diakses dari <http://wakafalquran30.blogspot.com> pada 20 Disember 2014.
- Qardawi, Yusuf (1999). *Berinteraksi Dengan Al-Quran (Kaifa Nata'amalu Ma'a Al-Quran al-'Azhim)*. Indonesia: Gema Insani Press.
- Qattan, Manna' (1978). *Mabahith Fi 'Ulum Al-Quran*. Beirut: Muassasah Ar-Risalah.
- Rahmat Mahdan et al. (2012). Pelupusan Bahan al-Quran. Perbincangan kumpulan fokus pada 27 Disember 2012.
- Rahmat Mahdan (2015). *Permasalahan dalam Pengurusan Pelupusan Teks Al-Quran yang Dilaksanakan oleh Syarikat Saufi*. Temubual pada 20 Januari 2015.

- Ramli, Muhammad bin Ahmad (1967). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*.
Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ridzwan (2015). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu,
Terengganu. Temubual 21 September 2015.
- Ritchie, J. & Lewis, J. (2005). *Qualitative Research Practice: A Guide for Social
Science Students and Researchers*. London: SAGE Publications.
- Rossen Din. (2010). Analisis Data Kuantitatif dalam Kajian Pembinaan. Bangi:
Universiti Kebangsaan Malaysia. Diperolehi daripada
<http://rosseni.wordpress.com>
- Rumrill, P.D. & Cook, B.G. (2001). *Research in special education: design, methods and
applications*. Springfield, Illinois: Charles C. Thomas. *Psychological Bull.*, 52,
281-302.
- Sabitha Marican (2006). *Penyelidikan Sains Sosial – Pendekatan Pragmatik*. Selangor:
Edusystem Sdn Bhd.
- Sabra, A. (2000). *Poverty and Charity in Medieval Islam, Mamluk Egypt*. United
Kingdom: Cambridge University Press.
- Salim, ‘Amru ‘Abd al-Mun’im (2000). *al-Rauh Wa al-Rayhan Fi Fadail Wa
Ahkam Al-Masahif Wa al-Quran*. Riyadh: Muassasah al-Mutamin.
- Samsudin Paimi (2015). Majlis Agama Islam Negeri Johor, Johor. Temubual 17
November 2015.
- Saqr, Atiyyah (1994). *Ahsanul Kalam fil Fatawa wal Ahkam*. Jilid 2. Kaherah: Darul
Al-Arabi.
- Sidi Gazalba (1981). *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur:
Pustaka Antara.

- Sinar Harian (22 Jun 2011). Al-Quran dibuang di Pusat Kitar Semula. Diakses dari <http://www.sinarharian.com.my> pada 20 Disember 2014.
- Sinar Harian (6 Mac 2012). Lupus al-Quran Rosak Cara Betul. Diakses dari <http://www.sinarharian.com.my> pada 20 Disember 2014.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi (2014). *Qualitative Research and Nvivo 10 Exploration*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Strauss, A. & Corbin, J. (1998). *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. (2nd Edition). London: Sage Publications.
- Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr (1974). *al-Itqan fi ‘Ulum al-Quran*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Syafi‘i, Muhammad bin Idris (1996). *Mawsu‘ah al-Imam al-Syafi‘i: al-Kitab al- Umm*. Jilid. 6. Dar Qutayba.
- Syarikat Percetakan dan Pelupusan Saufi (2012). Laporan Tahunan Syarikat Penerbitan dan Pelupusan Saufi. Syarikat Percetakan dan Pelupusan Saufi. Selangor: Cheras.
- Syed Abdullah, N. (2013). *Compliance Management Ontology: Enabling Shared Understanding in Compliance Practice*. The University of Queensland Australia. Tesis Doktor Falsafah.
- Syed Abdullah, N. et al. (2012). *Compliance Management Ontology*.
- Syed Abdullah, N. et. al. (2012). A Compliance Management Ontology: Developing Shared Understanding through Models. Conference of Advanced Information Systems Engineering. 2012. Springer-Verlag Berlin Heidelberge. 429-444.
- Syirbini, Muhammad bin Ahmad (1967). *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifat al-Ma‘ani Al-Faz al-Minhaj*. Jilid 21. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Tirmizi, Muhammad bin ‘Ali bin al-Hasan bin Basyr, Abu ‘Abdullah al-Hakim (t.th). *Nawadir al-Usul fi Ahadith al-Rasul*. Beirut: Dar al-Jail.

Undang-undang Malaysia, 2008. *Akta Percetakan Teks al-Quran 1986*. Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang.

Vagias, Wade M. (2006). *Likert-type Scale Response Anchors*. Clemson International Institute for Tourism & Research Development, Department of Parks, Recreation and Tourism Management. Clemson University.

Wiersma, W. (1991). *Research Methods in Education*. Fifth Edition. Boston: Allyn & Bacon.

Zaharah Mokhtar (2002). *Amalan Pengurusan Pentadbir Akademik Universiti: Satu Kajian Kes*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.

Zainudin Md. Dom (2011). Mewakafkan Sistem Pelupusan Ayat-Ayat Suci Yang Lusuh & Rosak Di Masjid-Masjid Terpilih Ke Arah Memartabatkan Al-Quran. Diakses dari <http://edil-innovation.blogspot.com> pada 22 Disember 2014.

Zamri Mahamod (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Melayu Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.

Zilal Saari (2015). *Model Garis Panduan Penyusunan Anak Angkat Menurut Perspektif Fiqh dan Sains*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.

Zuhaili, Wahbah (1989). *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*. Jilid 8. Damsyik: Dar al-Fikr.

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2014). Irsyad al-Fatwa: Melupuskan Al-Quran Lama. Diakses daripada <http://www.muftiwp.gov.my> pada 21 Disember 2014.

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2015). Irsyad al-Fatwa: Kaedah Melupuskan al-Quran yang Rosak Akibat Banjir. Diakses daripada <http://www.muftiwp.gov.my> pada 9 Januari 2015.